

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN SU KEONG SIONG [KAMPAR]**

**TARIKH : 16 JULAI 2019 (SELASA)**

**SOALAN**

**Tuan Su Keong Siong [Kampar] minta PERDANA MENTERI menyatakan perancangan dalam memperkasakan Angkatan Pertahanan Awam (APM) memandangkan skop dan tugas-tugas APM adalah amat luas. Apakah langkah-langkah penambahbaikan yang akan diambil berkenaan keperluan logistik, infrastruktur dan kebajikan anggota-anggota APM.**

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) merupakan salah sebuah badan penyelamat utama negara dan merupakan Sekretariat Pengurusan Bencana di peringkat Negeri dan Daerah. Justeru, Kerajaan menyedari keperluan untuk menambahbaik dan memperkasakan APM dari semua segi. Demi kesejahteraan rakyat dan negara, APM yang berasaskan kekuatan rakyat dengan memberikan perkhidmatan kepada rakyat, wajar diberikan sokongan termasuk oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat untuk menggalak sebanyak mungkin nilai jatidiri, semangat patriotisme dan konsep kesukarelaan disemai dan diterapkan kepada semua lapisan rakyat.

2. Lanjutan itu, Kerajaan telah dan sedang mempertimbang keupayaan APM melalui pendekatan berikut:

**Pertama;** dari segi logistik dan kelengkapan APM dalam memastikan perkhidmatan kecemasan harian dan bantuan bencana dapat disampaikan secara berkesan, APM sehingga ini memiliki sejumlah 1,331 buah kenderaan pentadbiran dan juga operasi. Daripada jumlah tersebut, 88 buah adalah kenderaan pentadbiran manakala baki 1,243 buah lagi adalah kenderaan operasi di darat dan di air. Jumlah aset ini termasuk tambahan sebanyak 79 buah kenderaan berat lori 5 tan dan 7 tan yang dibuat perolehannya pada tahun 2017 dan 2018. Selain itu, APM juga dilengkapi dengan pelbagai jenis kenderaan operasi darat seperti ambulans, pacuan 4 roda, *All Terrain Vehicle* atau ATV dan bot pelbagai jenis seperti aluminium, *inflatable*, *Sealeg* dan jet ski bagi kegunaan operasi di air;

**Kedua;** dari segi Infrastruktur, APM telah diberi peruntukan sebanyak RM130 juta di bawah RMK-11 tiga buah projek pembangunan fizikal iaitu;

- (i) Projek Ibu Pejabat Pertahanan Awam yang baharu di Sg. Merab, Kajang bernilai RM50 juta yang kini 99% siap dan menunggu untuk penyerahan;
- (ii) Projek Pusat Latihan Pertahanan Awam Fasa 2 di Kluang, Johor juga bernilai RM50 juta yang kini telah 65% siap; dan
- (iii) Pojek Pejabat Pertahanan Awam Daerah Langkawi yang baharu bernilai RM30 juta dan telah dirasmikan pada 24 Februari 2019 lalu oleh YAB Perdana Menteri.

Selain projek pembangunan fizikal, APM juga diberikan peruntukan pembangunan sebanyak RM50 juta untuk dibelanjakan dalam tempoh 2018 hingga 2020 bagi perolehan peralatan operasi. Perolehan ini merangkumi perolehan peralatan menyelamat, medikal, khidmat kemanusiaan, radio komunikasi dan aksesori operasi sokongan yang lain.

**Ketiga:** dari segi kebajikan anggota APM, Kerajaan sentiasa cuba memastikan perkhidmatan yang disumbangkan oleh anggota APM khususnya anggota sukarela diberikan pengiktirafan dengan mengekalkan beberapa kemudahan dan imbuhan seperti berikut:

- (i) **Elaun Kehadiran Latihan Tempatan (EKLT)** yang pada ketika ini dibayar sebanyak RM6 sejam bagi anggota Lain-Lain Pangkat dan RM7.80 sejam bagi Pegawai Pasukan dan kadar ini sedang dikaji bagi semua pasukan-pasukan sukarela sedia ada berdasarkan kedudukan kewangan semasa negara;
- (ii) **Elaun Saguhati atau Bounti Tahunan** yang dibayar secara *one-off* sebagai galakan kepada anggota sukarela bergiat aktif di dalam menghadiri sidang latihan, khidmat kebajikan, tugas kecemasan dan operasi mengikut syarat dan kelayakan yang telah ditetapkan. Kadar elaun saguhati tahunan ini di antara RM250 hingga RM520 tertakluk kepada jumlah jam penugasan anggota dalam aktiviti dan perkhidmatan APM.
- (iii) **Pakaian Seragam Percuma** diberikan kepada setiap Pegawai dan Anggota Sukarela APM yang aktif;
- (iv) **Bayaran Rawatan Terkurang Di Hospital Kerajaan** dinikmati oleh Pegawai dan Anggota Sukarela APM yang tercedera semasa melakukan aktiviti rasmi, latihan atau operasi yang meliputi kemudahan wad, kos pembedahan dan ubat-ubatan;
- (v) **Caruman Insurans Berkelompok** disediakan oleh pihak APM dengan nilai caruman sukarela sebanyak RM15 setahun bagi menggalakkan pegawai dan anggota mendapatkan perlindungan dan pampasan tambahan sekiranya berlaku sebarang kecederaan, kehilangan upaya atau kematian ketika atau akibat daripada aktiviti berisiko dan kemalangan diri;

- (vi) **Tabung Amanah Perwira Dan Pertahanan Negara** merupakan dana disediakan Kerajaan untuk membayar **pampasan** kepada anggota-anggota keselamatan negara termasuk anggota APM yang mengalami kecederaan atau hilang upaya dan kepada waris anggota yang meninggal dunia kesan daripada perkhidmatan rasmi.

3. Kerajaan sentiasa memandangi tinggi pengorbanan dan jasa bakti pegawai dan anggota APM serta akan mempertimbangkan sebarang usaha atau saranan untuk menambahbaik dan memperkasakan APM bagi memastikan APM mampu berperanan dengan berkesan dalam memastikan keselamatan dan kesejahteraan rakyat dan negara terus terjamin dan terpelihara.

Sekian, terima kasih.